



Headline: Ditipu pegawai 'Bukit Aman, Bank Negara'
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 28 July 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 67

Ditipu pegawai 'Bukit Aman, Bank Negara'

■ Kuantan 27 Julai

S EORANG pesara wanita kehilangan kesemua wang simpanannya berjumlah RM123,500 dalam tempoh seminggu selepas mendakwa diperdayakan oleh seseorang yang mengaku sebagai 'pegawai Bank Negara', sejak April lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Supritenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, mangsa yang berusia dalam lingkungan 60-an mendakwa dihubungi suspek lelaki kononnya 'pegawai polis' dari Bukit Aman pada 24 April lalu.

Suspek mendakwa nama mangsa dikaitkan dengan sindiket judi haram dan perlu bercakap dengan 'wakil' Bank Negara dikenali sebagai Razak bagi membantu siasatan.

"Razak didakwa telah mengarahkan mangsa untuk memindahkan semua wang sim-

panannya di tiga bank termasuk simpanan Tabung Haji ke akaun sementara yang dibuka Bank Negara supaya wang itu tidak dirampas dalam siasatan.

"Mangsa yang bimbang akan kehilangan duitnya telah melakukan 24 transaksi pemindahan wang dari 26 April hingga 2 Mei lalu ke empat akaun yang diberikan suspek," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mohd. Wazir menambah, mangsa menyedari ditipu selepas gagal menghubungi Razak, namun hanya membuat laporan polis di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh semalam kerana masih berharap akan menerima panggilan daripada Razak.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Dalam kes berasingan, Mohd. Wazir berkata, seorang guru berusia 43 tahun mendakwa

kerugian RM2,200 selepas menyertai pelaburan tidak wujud yang mencari mangsa di laman sosial, sejak 2 Julai lalu.

Beliau berkata, mangsa mendakwa berminat untuk menyertai pakej pelaburan berjumlah RM700, yang dibayar menerusi transaksi perbankan online pada 20 Julai lalu, sebelum diarahkan membuat bayaran tambahan, kononnya sebagai yuran pelaburan.

"Mangsa mendakwa sekali lagi dihubungi wakil syarikat itu semalam, meminta dia memasukkan wang kerana pelaburan itu akan dikenakan yuran antarabangsa kerana melibatkan transaksi kewangan luar negara.

"Bagaimanapun, mangsa merasa ditipu selepas mendapati nombor telefonnya disekat oleh wakil syarikat itu selepas tidak menunaikan permintaan mereka," katanya.

Sehubungan itu, mangsa membuat laporan polis di IPD Lipis dekat sini, semalam. - BERNAMA